

30 MAY 1998

MALAYSIA CARI JALAN KURANGKAN KADAR FAEDAH, KATA PM

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Malaysia sedang berusaha mencari jalan untuk menurunkan kadar faedah di negara ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Sambil menyatakan bahawa kadar faedah yang berkesan di antara 15 peratus dan 16 peratus di negara ini kini adalah amat tinggi, tambahnya bahawa kadar berian pinjaman sebenar bergantung kepada kos wang, marjin-marjin yang dikenakan oleh bank ke atas para peminjam dan pinjaman antara bank.

Bercakap kepada pemberita selepas membuka perhimpunan agung ke-45 Persatuan Cina Malaysia (MCA) di sini, Dr Mahathir berkata: "Kita kini tertekan kerana seperti anda tahun, apa yang dikatakan kuasa pasaran mahu kita menaikkan kadar faedah.

"Jadi syarikat-syarikat akan menjadi muflis... mereka kata syarikat-syarikat patut menjadi muflis."

Maklum balas yang diterima daripada masyarkat peniaga dan disampaikan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) membayangkan bahawa kadar faedah semasa sebanyak 16 peratus mempunyai kesan yang mencacatkan ke atas operasi perniagaan mereka kerana pembayaran balik pinjaman dianggap amat mahal.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan bagaimanapun mempunyai pandangna yang berbeza di mana jika sesebuah syarikat menjadi muflis, kerajaan juga akan menjadi muflis.

Mengenai pendekatan yang berhati-hati melampau yang diambil oleh bank untuk memberi pinjaman, perdana menteri berkata kerajaan mahu pertumbuhan kredit ditingkatkan tetapi bank-bank tidak mempunyai keyakinan terhadap prestasi masa depan syarikat-syarikat.

"Kita terpaksa desak bank-bank (beri lebih banyak pinjaman)," tambah beliau.

Mengenai Syarikat Pengurusan Aset (SPA) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata badan baru itu tidak akan mengambil alih semua pinjaman yang tidak berbayar (NPL) daripada bank-bank di negara ini.

"Di mana bank-bank boleh menangani NPL mereka, kita tidak akan usik mereka tetapi di mana NPL berkembang terlalu banyak sehingga bank-bank mungkin terhalang daripada memberikan pinjaman, kita akan ambil alih NPL supaya bank-bank boleh memberi pinjaman semula," tegasnya.

Ditanya sama ada SPA akan bertanggung jawab bagi penggabungan syarikat-syarikat kecil, katanya itu akan bergantung kepada bagaimana SPA menguruskan operasinya.

Mengenai faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Malaysia daripada cadangan Jepun untuk mengurus niaga dengan Malaysia dalam yen, perdana menteri berkata pada masa lalu, apabila yen susut nilai, Malaysia tidak boleh mendapat untung daripadanya kerana kontrak disandarkan kepada nilai dolar AS.

Pada masa lalu, 70 peratus daripada perdagangan luar Malaysia dikendalikan dalam dolar AS, walaupun dagangan dengan Amerika Syarikat cuma merupakan 18 peratus daripada jumlah perdagangan negara.

Ditanya pandangannya mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasara (KDNK) bagi suku pertama tahun ini, Dr Mahathir said: "Saya tidak fikir ia akan baik.

"Dengan melihat kepada banyak perkara, seperti sekarang, anda terpaksa menerima hakikat bahawa ekonomi sedang menghadapi banyak masalah." --

BERNAMA
AD DVS OS